

## **LAPORAN KES PENDAKWAAN**

Chaw Chen Sin (OKS) iaitu pengarah syarikat Ideal Supply (KK) Sdn. Bhd. telah dituduh di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, Sabah bagi dua pertuduhan di bawah perenggan 97(1)(b) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 atas kesalahan mempamerkan kelengkapan voltan rendah yang biasa dijual secara langsung kepada orang awam tanpa Perakuan Kelulusan Suruhanjaya Tenaga (pertuduhan pertama) dan atas kesalahan di bawah perenggan 109A(2)(b) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 iaitu menyimpan kelengkapan tersebut yang tidak dilabelkan dengan niat untuk menjual (pertuduhan kedua). Pada 17 Jun 2025, OKS mengaku salah terhadap kesemua pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM 2500.00 sekiranya gagal bayar enam bulan penjara bagi pertuduhan pertama dan denda RM 3500.00 sekiranya gagal bayar 6 bulan penjara bagi pertuduhan kedua. OKS telah membayar denda tersebut.